

Publication : **Berita Harian**  
Date : 3 March 2018  
Section : Bisnes  
Page : 26  
Headline : Projek Puchong Horizon berstatus pegangan bebas  
PR Value : 57,870.23



**Fakta  
nombor**

**RM450,800**

permulaan harga unit  
di Aviary Residences

**753.5**

**KAKI PERSEGI**  
seunit

*Model projek Puchong Horizon yang dibangunkan dalam tiga fasa.*

# Projek Puchong Horizon berstatus pegangan bebas

➔ Hua Yang lancar hartanah RM2.2b babit komponen komersial, kediaman

**Oleh Nasuha Badrul Huzaini**  
nasuha@nstp.com.my

**S**elaras dengan permintaan yang semakin meningkat terhadap perumahan mampu milik di lokasi

sekitar Lembah Klang, Hua Yang Bhd (Hua Yang) melancarkan projek pembangunan terbarunya di Puchong, Selangor.

Projek yang dinamakan Puchong Horizon itu merangkumi komponen komersial dan residen dan dibangunkan di atas tapak seluas 11.82 hektar dan berstatus pegangan bebas.

Dengan nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM2.2 bilion, Puchong Horizon akan dilancarkan dalam tiga fasa bermula dengan fasa 1A yang dilancarkan itu.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, Ketua Eksekutifnya, Ho Wen Yan berkata sebagai pemaju hartanah, pihaknya sedar akan keperluan peruma-

han mampu milik di negara ini terutama di lokasi sekitar Lembah Klang.

“Selain faktor harga, kami faham yang pembeli juga turut mempertimbangkan pelbagai lagi faktor seperti aksesibiliti dan sambungan serta kemudahan yang ada di sekitar pembangunan itu.

#### **Tawaran menarik**

“Dengan mengambil kira pandangan berkenaan, kami membangunkan Puchong Horizon dan kami percaya tawaran menarik seumpama ini akan diterima baik oleh pembeli rumah pertama serta mereka yang mahu menaik taraf pemilikan rumah mereka,” katanya di Kuala Lumpur.

Fasa 1A terdiri daripada

dua menara apartmen servis, Aviary Residence dengan 565 unit di Menara 1 (36 tingkat) dan 337 unit di Menara 2 (37 tingkat).

GDV bagi fasa berkenaan adalah sebanyak RM505.2 juta. Pada harga bermula daripada RM450,800 dan ke atas, Aviary Residences ditawarkan dalam beberapa saiz bermula daripada 753.5 kaki persegi seunit.

Mengulas lanjut, Ho berkata pihaknya sedar akan cabaran yang sedang berlaku dalam sektor hartanah.

“Bagaimanapun, melihat kepada sejarah kami dalam sektor ini dalam menyediakan rumah yang berkualiti, mampu milik dan moden, kami percaya kami berada dalam kedudukan yang baik dalam segmen pasaran ini,” katanya.